

Tambah kemudahan OKU

Bagi memudahkan pergerakan di bandar raya

>>Oleh **NORAINON OTHMAN**
norainon@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Lebih banyak kemudahan yang mesra golongan Orang Kurang Upaya (OKU) akan dibina di bandar raya ini bagi memudahkan pergerakan golongan berkenaan.

Setiap bangunan baru akan dipastikan menyediakan petak letak kereta mencukupi khusus untuk golongan itu serta jalan landai (ramp) untuk kawasan bertingkat bagi memudahkan OKU yang bergerak dengan kerusi roda.

Selain itu, antara tempat yang perlu disediakan kemu-

dahan bersesuaian untuk OKU ialah di tandas, lif, perhentian bas, kiosk, selain taman dan laluan pejalan kaki.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail, berkata dengan penambahan kemudahan bersesuaian itu di kawasan awam, tidak ada halangan untuk OKU bergerak.

H.M 21/12/08 MIS 21
"Orang kurang upaya mempunyai keinginan seperti kita iaitu mahu hidup berdikari, malah boleh melakukan sesuatu lebih baik daripada orang yang sempurna fizikalnya.

"Selain tanggungjawab pihak berkuasa dan pihak berkaitan menyediakan kemudahan bersesuaian untuk

OKU, masyarakat juga diminta lebih prihatin iaitu tidak menggunakan kemudahan yang dikhususkan untuk golongan itu, misalnya meletakkan kenderaan di petak kereta OKU," katanya.

Beliau berkata, penyediaan lebih banyak prasarana untuk OKU akan diteliti dan diconthi daripada negara maju.

Ahmad Fuad berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Perasmian dan Penutupan Karnival KL Mesra sempena Hari OKU Sedunia di Dataran Astaka, Tasik Titiwangsa, di sini, semalam. Hadir sama, Presiden Majlis Paralimpik Malaysia, Datuk Zainal Abu Zarin.